

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PROJEK TEBATAN BANJIR KAMPUNG BARU,**  
**BUKIT MERTAJAM**  
**PADA 8 NOVEMBER 2014 (SABTU) , JAM 10.50 PAGI**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Hasnon**

Timbalan Ketua Menteri I

**Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy**

Timbalan Ketua Menteri II

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli EXCO

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Lalulintas dan  
Tebatan Banjir

**Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN**

**Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Haji Mohamud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-ketua Jabatan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-rakan Media**

**Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,**

.....

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama Majlis Perasmian Projek Tebatan Banjir Kampung Baru, Bukit Mertajam pada pagi ini.

Projek Tebatan Banjir Kampung Baru, Bukit Mertajam ini dijalankan ekoran masalah banjir kilat yang sering berlaku di sini. Kawasan yang sering dilanda banjir kilat adalah Jalan Kampung Baru terutama di Taman B, Perkampungan Baru dan Taman Kijang.

Y.A.B. dan para hadirin sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil inisiatif melalui peruntukan Wang Caruman Perparitan untuk melaksanakan projek naik

taraf sistem saliran ini. Jawatankuasa Tebatan Banjir telah meluluskan peruntukan kepada MPSP sebanyak RM 6.9 juta untuk melaksanakan projek ini.

Untuk makluman semua, kerja-kerja bagi projek naik taraf ini telah pun bermula pada 18 Mac 2013 yang lalu dan telah siap sepenuhnya pada 18 Julai 2014. Projek ini mengambil masa 12 bulan dengan tambahan 4 bulan dan kos keseluruhan projek sebanyak RM6,913,896.60.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Tujuan utama projek naik taraf ini dijalankan bukan semata-mata tertumpu kepada langkah mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan ini, tetapi ianya juga membaiki dan menaik taraf sistem perparitan yang uzur serta memberi keselesaan kepada penduduk setempat.

Masalah utama yang berlaku disini sebenarnya berpunca daripada sistem perparitan sediada yang tidak mencukupi dan tidak sempurna, pembentung sediada yang kecil dan sering tersumbat dan juga rumah pam sediada tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana sampah sarap yang dibuang ke dalam sistem saliran menyebabkan saliran air tersumbat. Justeru saya menyeru kepada hadirin sekalian supaya tidak

membuang sampah ke dalam longkang dan bersama-sama dengan MPSP menjaga kebersihan kawasan kejiranan kita.

Skop projek naik taraf sistem perparitan ini merangkumi aspek :

- i. Pembinaan longkang 3.0 m X 1.5m U-Drain – 430 m
- ii. Pembinaan longkang 3.3m X 1.5 m U-Drain - 350 m
- iii. Kolam Takungan 1000m<sup>2</sup>.
- iv. Pembinaan pembentung baru
- v. Pemasangan *railing* dan *guard rail*
- vi. *Roadworks*
- vii. Pengubahan Utiliti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Projek-projek tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan untuk tahun 2014 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TAJUK/NAMA PROJEK</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal	1,305,141.60	Siap dilaksanakan pada 24/9/2014
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Pulau Pinang	1,990,916.55	Dalam pelaksanaan, dijangka siap pada 19/1/2015
3.	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Dan Naiktaraf Parit Di Taman Seri Jaya Dan Taman Sungai Rambai, SPT	2,409,330.00	Dalam pelaksanaan, dijangka siap pada 4/11/2014
4.	Perlantikan Untuk Kajian Dan Menyediakan Pelan Sistem Perparitan Induk	455,433.97	Dalam pelaksanaan, dijangka siap

	Di Kawasan Perindustrian Sg. Lokan		pada 26/11/2015
5.	Cadangan Pemasangan Pintu Air Di Parit Monsun Taman Bagan	400,000.00	Tender telah tutup pada 23/9/2014 dan dalam proses penilaian tender
6.	Cadangan Menaiktaraf Parit Konkrit Di Taman Kerjasama, SPT	451,000.00	Tarikh Iklan: 30/10/2014 Tarikh Tutup: 26/11/2014
7.	Cadangan Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Lengkok Tenggara Seberang Jaya, SPT	1,090,000.00	Peruntukan lulus tetapi belum dilaksanakan, dalam proses untuk iklan pada bulan November
8.	Cadangan Kajian Mengatasi Banjir Di Taman Machang Bubok, SPT	249,912.00	Dalam proses kajian dan dijangka siap pada 7/12/2014

	<b>JUMLAH KESELURUHAN :</b>	<b>8,351,734.12</b>	
--	---------------------------------	---------------------	--

Projek-projek perancangan masa hadapan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TAJUK/NAMA PROJEK</b>	<b>ANGGARAN KOS (RM)</b>	<b>CATATAN</b>
1.	Cadangan Menaiktaraf Culvert Dan Kerja-Kerja Berkenaan Untuk Mengatasi Banjir Di Lebuh Seri Kijang, Taman Seri Kijang, Bukit Mertajam, SPT	600,000.00	
2.	Cadangan Perlantikan Juruperunding Untuk Kajian Mengatasi Banjir Kilat Di Taman Bunga Raya, Butterworth, SPU	300,000.00	
3.	Cadangan Pembinaan Rumah Pam Serta Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Infrastrukutur Di Sekitar Taman Merak, SPS	2,000,000.00	
	<b>JUMLAH KESELURUHAN :</b>	<b>2,900,000.00</b>	

Untuk makluman semua, kos pembersihan parit monsun yang dibelanjakan oleh MPSP mengikut tahun adalah seperti berikut ;

Tahun 2012 : RM2,387,035.00

Tahun 2013 : RM2,501,238.16

Tahun 2014 : RM2,121,637.00

Manakala bagi pembaikan longkang / parit pula adalah ;

Tahun 2012 : RM2,387,861.97

Tahun 2013 : RM1,487,023.94

Tahun 2014 : RM1,822,808.89

Pihak MPSP juga telah memperuntukkan bajet pada Tahun 2015 bagi pembersihan parit monsun berjumlah RM4.34juta dan pembaikan RM500 ribu demi untuk kesejahteraan penduduk Seberang Perai.

Akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua penduduk setempat agar bersama-sama membantu menjaga kebersihan kawasan sekitar terutamanya saluran longkang dan parit supaya tidak tersumbat dengan sampah-sarap seperti yang berlaku di Taman Desa Damai baru-baru ini di mana banyak sampah terapung pada perangkap sampah menyebabkan banjir kilat. Apabila sampah dibuang sesuka hati ke



dalam saluran air, maka kecenderungan untuk tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat adalah lebih besar.

Dengan itu, saya sudah dengan “Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh“.

Sekian, terima kasih.